


MALAYSIA SEMENANJUNG RM5 SABAH & SARAWAK RM7
BRUNEI DS B\$5 SINGAPURA \$5



PENTAS

JIL. 1 BIL. 2 2006

JULAI & OGOS
2006



ILHAM DARI
SEBUAH
LANTAI
TEATER
SEKADAR
BERHIBUR

BY DATUK A. SAMAD SAID

LANTAI.

DINKIE
BUKAN SOAL PUNGUNG

TEATER
IMPROVISASI

PUBLISITI
UNTUK TEATER

TEATER TARI YANG
MEWAJAHKAN PENTAS



Di sini semaraknya seni!

mempersembahkan presents

Classical Concert

Konsert Klasik

Orkestra Simfoni Kebangsaan
National Symphony Orchestra



Bersempena dengan 250 tahun kelahiran Mozart, konsert ini mengdarapkan gubahannya terkenal belliau. Selain konsert, terdapat juga bengkel yang berujuan untuk memberi latihan terancang bagi meningkatkan kemahiran para pemuzik tempatan menangani karya muzik klasik.

Overture
Mozart's Figaro

Symphony No. 40
Molto Allegro

Requiem " Dies Irae

*March of the priest from
"The Magic Flute"*

Andante for Flute in C Major
Soloist : Keiko Nakagawa

Rondo for Flute in D Major

Horn Concerto No. 4
in E Flat Major III.
Rondo: Allegro Vivace
Soloist : Kim Vyacheslav

"Welche wohne elche lust!"
for soprano from
"The Abduction from the Seraglio"
Soloist : Syafinaz Selamat

Sinfonia Concertante
for Violin & Viola (I) Presto
Solois: Moya Musheva
dan Veronika Thoene (viola)

Ave Verum Corpus in D major
for Children or Mix Choir

Theme from W.A. Mozart
Compose by Samsul Zin

Divertimento in D for String
Orchestra (II), Presto.

Don Giovanni Overture

DISKAIN
50%
PEMBERDAYAAN
SEJARAH
1 JULAI 2006

DISKAIN
20%
SILAPAS 1 JULAI 2006
DAGANGAN DAN
SEKOLAH WARNA DAN
PAMERAN 31 JUN - 17 JULAI

PANGGUNG SARI
ISTANA BUDAYA
10-11 JULAI 2006
8.30pm • TIKET
RM120/RM80/RM50/RM70/RM100

BOX OFFICE: 03-4026 5558
ISTANA BUDAYA, JALAN TUN RAZAK, 50694, KUALA LUMPUR
www.istanabudaya.gov.my

PENTAS

پنٹس

KETUA PENGARAH
Azhar Abu Bakar

TIMBALAN KETUA PENGARAH
Dato' Bisharuddin Mohd Noor Basha
Fauzia Sabiri

PENGARAH PRODUKSI
Mohd Juhari Shaarani

PENGARAH PENGURUSAN DAN LATIHAN
Suhaimi Bahari

PENGARAH PEMASARAN DAN
PERHUBUNGAN AWAM
Zubaidah Mukhtar

PENGARAH TEKNIKAL
Ir. Azmi Abdul Hamid

PENGARAH MUZIK/KONDUKTOR
Mustafa Fuzer Nawi

PENGARAH SINOGRAFI
Hazize San



PENASIHAT EDITORIAL
Azhar Abu Bakar

EDITOR
Sutung Umar Rs

TIMBALAN EDITOR
Rahimdin Zahari

SIDANG EDITOR

Zubaidah Sual, Alexander Wong, Kassim Lee,
Mohd. Najib Hashim

UNIT GRAFIK
Ketua: Hazize San

Ahmad Marzuki A. Hassan, Mohd. Termize
Mokhtar, Najiffaizal Mohd Tawel,
Frederick Ngieng Hock Teck, Haslizah Md. Nor

PEMASARAN DAN PENGIKLANAN
Zubaidah Mukhtar, Dayang Kartini Awang Bujang

FOTOGRAFI
Najiffaizal Mohd Tawel, Siti Norain Mohamad Noh



Diterbitkan oleh
Istana Budaya
Jalan Tun Razak
50694 Kuala Lumpur.

Tel: 03-4025 5555, 03-4026 5555 Faks: 603 4025 5975

Sidang Editor *Pentas* berhak melakukan penyuntingan terhadap tulisan yang diterima untuk penyiaran selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat dan sikap *Pentas*.

© Karya yang disiarkan di dalam *Pentas* tidak boleh diterbitkan semula dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa-apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Editor *Pentas* ataupun Ketua Pengarah Istana Budaya.

Perundungan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Sumbangan yang dikirimkan, sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sidang Editor tidak bertanggungjawab terhadap kehilangan karya yang dikirim melalui pos.

Sumbangan karya hendaklah dihantar kepada: Editor *Pentas*,

Istana Budaya, Jalan Tun Razak, 50694 Kuala Lumpur.

Tel: 03-4026 5555, Faks: 03-4026 5641

Email: pentas@istanabudaya.gov.my

Dicetak oleh

Percetakan Halim Sdn Bhd, (439614-V) No. 3 Jalan Lingkaran Industri, Taman Cheras Mas, 43200 Cheras, Selangor Darul Ehsan.

NOTA EDITOR

Dokongan dan Sokongan Semua Pihak

Industri hiburan kini sedang berkembang pesat di Malaysia. Di Kuala Lumpur selain Istana Budaya, sebuah panggung bertaraf antarabangsa yang kini memasuki usia lapan tahun terbukti dapat menghasilkan pelbagai persembahan berkualiti; terdapat banyak lagi premis lain untuk persembahan sama ada teater, muzik maupun seni persembahan bermutu yang lain.

Selari dengan perkembangan dunia masa kini, seni persembahan – moden maupun tradisional – memerlukan belanja yang tidak sedikit. Masa senggang selepas menuai yang terjadi suatu waktu dulu dengan persembahan yang murah harganya hanya tinggal sebagai nostalgia indah. Tidak lebih daripada itu.

Walaupun jelas bahawa apa-apa pun usaha pada masa kini memerlukan dana yang tinggi, jika sekiranya dokongan dari semua pihak terhadap perkembangan seni bangsa sendiri – sebagaimana yang selalu disebutkan oleh banyak pihak bahawa kita memerlukan seni yang tinggi mutunya, bahawa kehidupan kita memerlukan kepada seni dan budaya yang tinggi yang menjadi naluri manusia umumnya; kita sebenarnya mempunyai banyak sumber dana kerana begitu banyak syarikat-syarikat multi nasional, begitu banyak syarikat-syarikat GLC yang dapat membantu perkembangan industri ini. Inilah sumber utama yang dapat memungkinkan pembangunan dan perkembangan industri hiburan bermutu selari dengan kehendak kepimpinan masa kini bahawa kita tidak hanya ingin membangun dalam bidang k-ekonomi semata.

Selain dokongan dan sokongan daripada GLC, peranan yang dimainkan oleh media masa juga adalah amat penting untuk memberi kesedaran dan mendidik masyarakat bahawa sebagai manusia kita sebenarnya memerlukan hiburan yang tinggi mutunya, yang secara sekaligus dapat menggerakkan minda kita untuk bersikir selain memuaskan naluri kita terhadap hiburan murahan.

Inilah cabaran kita masa kini dalam industri hiburan dalam hubungannya menjadikan Kuala Lumpur khasnya dan Malaysia amnya sebagai destinasi semua bangsa dari seluruh dunia, yang dalam segi ekonominya memberi sumbangan yang besar kepada negara kita.

Ini semua tidak mungkin tercapai sekiranya tidak ada satu gerakan secara synergy daripada semua peringkat, institusi dan masyarakat untuk sama-sama mendokong dan menyokong usaha yang pada asasnya kita mempunyai tapak yang kukuh dengan segala macam kekayaan kebudayaan kita – yang nampak dan tak nampak – yang tradisional dan moden.

Sutung Umar Rs

PENTAS KANDUNGAN



شِنْتَيْ

PENTAS JULAI - OGOS 2006 JILID 2 BIL. 2



DARIPADA EDITOR Dokongan dan Sokongan Semua Pihak

3	32
WAWANCARA SN Datuk A. Samad Said Teater Kita Sekadar Berhidur	Di Belakang Pentas
6	38
Ilham Dari Sebuah Lantai	SELASAR PUALAM Antara Kreativiti dan Realiti
10	40
LAMBANG SARI Pertemuan Teater; Mengaktifkan Kegiatan Teater Di Seluruh Negara	Seni Tragedi di Rusia
14	43
Lantai T. Pinkie Antara Tuntutan, Lakonan Dan Muzik	SELEPAS SENJA Baca Puisi Pena
16	46
Di Manakah Bangsawan Dalam Naga Chini?	TOKOH: Abdulaziz H.M Pelopor Teater Improvisasi
19	50
Improvisasi Dalam Teater Tradisional Melayu	Tamu Dari Medan Perang Dinsman Kembali
24	52
Sołekan Kecantikan	Memasuki Dunia Teater
26	56
Mengapa Rebung Puisi	Konsert Melodi Emas 2
28	58
Publisiti Untuk Teater	NASKHAH: Misi
30	70
	Teater Tari Yang Mewajahkan Pentas



TAMU DARI MEDAN PERANG DINSMAN KEMBALI!

Oleh DR. NOR FARIDAH
ABDUL MANAF

KAMI semua tetamu pada malam itu. Tetamu menyambut kedatangan kembali Dinsman sebagai penggiat teater. Saya cuma mengenalnya sebagai seorang penyair Itupun kerana reformasi. Tetapi saya tahu pada malam itu Dinsman telah lebih 23 tahun tidak berkarja teater. Kali terakhir beliau giat ialah di dalam pementasan *Isok Untuk Siapa* (1983).

Jadi saya rasa sungguh beruntung menjadi "tamu" Dinsman menonton karya terbarunya *Tamu Dari Medan Perang* yang juga diterbitkan di dalam bentuk buku dwibahasa sungguhpun rajuk di dalam Bahasa Inggerisnya agak kekok. *Guest From The Fields of War* (diterjemahkan oleh "...saya tidak tahu siapa?" (Rohani Yousof, Editor). Saya bersyukur karya ini muncul dalam bentuk buku (ketika dibuat dalam bentuk buku) dan sesuai yang menegaskan bukannya sebagai pengumpul buku-buku penulis-penulis Malaysia bagi tujuan kajian kemudian hari. Dan biarpun terjemahannya agak kekok ia tetap statif hadiah yang dialu-alukan. Ini lebih baik daripada pular membiawakan kepingan iker kertas yang hanya akan saya campakkannya dalam tong sampah dan meninggalkan beban pencemarahan dunia.

Kedatangannya menonjot teater Dinsman malam itu amat bolehpatan sekali kerana saya baru saja menghadiri persidangan Islam di PWTC mengenai konspirasi Bush dan Zionist di Israel dalam peristiwa 11 September 2001, sebagaimana diketengahlikan oleh juga tamu persidangan Islam itu: *billionaire* Jimi Walter mangsa teraklin roskiman William Rodriguez

ez dan penulis bebas Amerika Michael Collins Piper. Mereka semua bersuara seperti Dinsman di dalam *Tamu Dari Medan Perang*. Keadilan harus diketengahkan, mereka yang teraniaya harus dibela nasibnya dan yang jabat harus disekat.

Dinsman pergi lebih jauh apabila Queen yang dilakonkai dengan penuh jaya oleh Rohani Yousoff, juga kembali ke pentas setelah sekian lama) berkata jenis bantuan yang beliau perlukan dari Sultan yang kaya raya itu ialah sokonganinya untuk membumi Presiden Amerikal!

Saya tidak menduga Dinsman begitu berati dengan skip ini (skip teaternya yang masih dalam simpanan, iaitu "Siapakah Takutkan Amerika?". Ramai yang takut kerana itu masih tiada penaja untuk mementaskan karya ini walaupun kita tahu jika di Barat atau manapun mana negara Asia lain yang lainnya kecuali mungkin Singapura pementasan dengan rajuk sebegini tidak akan menjadi apa-apa masalah).

Kata-kata Queen itu bukan sahaja mengejutkan Sultan (yang dilakonkan dengan suara yang sentiasa tinggi oleh Azlhan Abd-Ram) tetapi juga tetamu yang kadang-kala malu sahaja duduk bersila di tangga Stor Teater DBP yang sungguh tidak selesa itu.

Dinsman mempunyai skip yang cukup jelas dan kerana itu ada kalanya kami terasa seperti berada di masjid mendengar khutbah Jumaat. Dinsman membawa Alifah ke gelanggang memetik beberapa hadis mengenai kesedihan manusia seorang pemimpin besar pilihan Allah yakni junjungan kita Rasulullah SAW. Kita tahu Dinsman malu ban-

dingkan Rasulullah dengan siapa. Bukan sahaja bandingan kepada Sultan yang kaya raya itu tetapi juga kita. *Conscience* kita sebagai orang Islam yang gagal berbuat apa-apa, membela mereka yang mati dan hidup di dalam kemiskinan akibat perang dan lain-lain bentuk penindasan oleh si durjana. Apabila Dinsman menyelitkan adegan filem tentang anak-anak Palestin yang hidup dalam ketakutan di tengah-tengah hujan bom dan peluru, khalayak betul-betul terasa akan "sikap tidak apa" mereka selama ini. Lebih-lebih lagi tayangan jeritan anak kecil me-ratapi kematian di Palestin berlatar belakangkan umat Islam yang kaya raya mengerjakan umrah dan haji (tetapi tidak berbuat apa-apa menyelamatkan mereka yang hidup tertindas di bumi yang tidak jauh dari Mekah).

Matthias Chang semasa berucap di Persidangan Islam di PWTC bersama-sama Jimmy Walter, William Rodriguez dan Michael Collins Piper berkata beliau tidak fikir peristiwa 11 September 2001 adalah *wake-up call* kepada ummah Islam kerana nasib mereka di Palestin, Afghanistan, Iraq (dan dalam masa terdekat ini mungkin Iran diikuti Syria dan akhirnya kita!) masih tidak terbela. Kita masih berpeluk tubuh. Sekali sekala kita hulurkan derma lima puluh atau seratus ringgit sebagai pelepas rasa bersalah kerana tidak berani buat apa-apa.

Menonton teater Dinsman mengingatkan khalayak sekali lagi akan kegagalan kita sebagai umat Islam yang tidak mampu, tidak mahu berbuat apa-apa.

Datuk Johan Jaaffar (yang juga hadir pada malam itu) menyifatkan penutup *Tamu Dari Medan Perang* amat bertepatan sekali apa-

bila Queen dan Sultan berbalas-balas pandangan (dengan nada ragu-ragu) sekiranya umat Islam bisa bersatu, akan selesailah masalah yang dihadapi umat Islam selama ini:

Queen: (*bercakap sendirian*) Kalaulah itu boleh dilakukan.... Kalaulah itu boleh dilakukan.... Kalaulah itu boleh dilakukan.... Sultan: Kalaulah itu tak boleh dilakukan.

(*Mereka bertembung pandangan sekali lagi.*)

Queen: (*Bersuara tinggi*) Kalaulah

itu boleh dilakukan!

TEATER mudah tetapi dalam maknanya, ini akan lebih efektif jika penggunaan lampu pentas diberikan lebih penekanan. Kita tahu Stor Teater bukan Istana Budaya tetapi jika kita hendak berteater, aspek-aspek pementasan yang lain (terutama penggunaan lampu) perlu diambil kira. *Tamu dari Medan Perang* tidak akan terlalu kelihatan seperti khutbah Jumaat jika aspek teknikal ini diketengahkan.

Tetapi rata-rata, saya puas hati dengan teater yang berharga RM20 itu. Setidak-tidaknya ia sepadan dengan harga tiket (jika tidak pun pulangannya lebih lagi, sebab saya membawa pulang sebuah buku dwibahasa!) dan tidak seperti teater-teater Inggeris yang saya hadir: tiket mahal tetapi propnya macam prop pementasan sekolah! Pakaian compang-camping dan tiada langsung kajian untuk penyesuaian era yang diwakili. Alasan yang diberikan interpretasi moden tetapi kita tahu, mereka nak jimat belanja!

Tetapi jika pementasan itu oleh Christopher Jacobs dan Sabeera Shaik (Masakini Theatre Company), saya dapatkan mereka ini tidak mudah menipu penonton. Mereka selalu memberi *all out* untuk *costume* dan *setting* pementasan mereka.

